

B 8729 DEB
MAHATHIR - KEISTIMEWAAN 2 2 2

1985

MENTAKAB, 14 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEUPAYAAN BARISAN NASIONAL (BN) MENYELESAIKAN SEBARANG PERBEZAAN PENDAPAT MELALUI RUNDINGAN SERTA PERPADUAN RAKYAT BERBILANG KAUM NEGARA INI ADALAH SATU KEKUATAN DAN KEISTIMEWAAN KEPADA NEGARA INI YANG HARUS DIPERTAHAN DAN DIPELIHARA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN NEGARA YANG PENDUDUKNYA BERBILANG KAUM MENGHADAPI MASALAH PEPERANGAN SESAMA SENDIRI AKIBAT PERBEZAAN PENDAPAT.

+RAKYAT NEGARA INI HARUS BERSYUKUR KERANA KITA DAPAT HIDUP AMAN DAMAI SERTA DALAM HARMONI,+ KATANYA KEPADA KIRA-KIRA 5,000 ORANG ANGGOTA UMNO DAN PARTI KOMPONEN BN DALAM PERHIMPUNAN SEMPENA MESYUARAT PENUBUHAN UMNO BAHAGIAN MENTAKAB DI SINI.

+KITA AKUI KADANG KALA ADA MASALAH YANG TIMBUL TAPI IA DAPAT DISELESAIKAN SECARA RUNDINGAN,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1415MST 14 07 85

B 8730 DEB
MAHATHIR - KEISTIMEWAAN 2 MENTAKAB

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KALAU ADA PUN GOLONGAN YANG TIDAK MAHU MENERIMA HAKIKAT CARA HIDUP NEGARA INI CUMA SEBILANGAN KECIL MEREKA YANG LARI KE DALAM HUTAN DAN MENENTANG KERAJAAN CAMPURAN BN.

+KEKUATAN DAN KEISTIMEWAAN YANG ADA PADA KITA PATUTLAH DI PUPUK AGAR IA DAPAT MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN SESAMA KITA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MEMUJI UMNO PERHUBUNGAN NEGERI PAHANG DAN BAHAGIAN MENTAKAB KERANA MENGADAKAN UPACARA PEMBUKAAN MESYUARATNYA DENGAN MENJEMPUT PARTI-PARTI KOMPONEN BN.

AMALAN SAPERTI INI PATUT DICONTOKI OLEH BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO YANG LAIN SUPAYA RAKAN-RAKAN KOMPONEN BN DAPAT MELIHAT CARA-CARA UMNO DITADBIRKAN SERTA MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN, KATANYA.

BELIAU BERKATA PENDUDUK NEGARA INI BERUNTUNG KERANA DIWAKILI OLEH WAKIL-WAKIL RAKYAT MENGIKUT NISBAH BILANGAN PENDUDUK YANG KECIL TIDAK SAPERTI DI NEGARA-NEGARA LAIN DI MANA SEORANG WAKIL RAKYAT MEWAKILI SEHINGGA SEJUTA ORANG. -- LAGI.

1418MST 14 07 85

B 8731 DEB
MAHATHIR - KEISTIMEWAAN 3 MENTAKAB

KATANYA DI PAHANG SEKARANG INI ADA 10 BUAH KAWASAN PILIHANRAYA PARLIMEN +TETAPI MEMANGLAH KALAU BOLEH RAMAI ORANG MAHU IA DITAMBAH LAGI AGAR ADA YANG DAPAT MENJADI YANG BERTAMBAH+.

SECARA BERSELURUH PERDANA MENTERI BERKATA= +KERUSI PILIHANRAYA SEPERTI JUGA LESEN LORI, KALAU ADA 10, SERATUS YANG MINTA.+

BELIAU YAKIN BAGAIMANAPUN BILANGAN KERUSI PILIHANRAYA DAPAT DITAMBAH LEBIH BANYAK LAGI APABILA NEGARA INI MEMPUYAI 70 JUTA ORANG PENDUDUK.

+TERPULANGLAH KEPADA ANDA SEMUA MENAMBAH BILANGAN PENDUDUK ITU,+ KATANYA DISAMBUK DENGAN KETAWA PARA HADIRIN. -- BERNAMA.

1420MST 14 07 85